

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(LARANGAN CARA MENANGKAP IKAN) 1980**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama.
2. Larangan menangkap ikan.
3. Pembatalan.

JADUAL.

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LARANGAN CARA MENANGKAP IKAN) 1980*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 21 Akta Perikanan 1963, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980**.

2. Larangan menangkap ikan.

Tiada seorang pun boleh mengguna bagi maksud menangkap ikan atau ada dalam miliknya atau di dalam mana-mana vesel apa-apa jaring, perangkap, perkakas atau alat menangkap ikan yang diperihalkan dalam Jadual.

3. Pembatalan.

Peraturan-peraturan Perikanan (Pencegahan Cara Menangkap Ikan) 1971 adalah dibatalkan.

JADUAL

1. Pukat Tunda dua bot atau apa jua pukat yang dikenali dengan apa jua nama yang disesuaikan supaya dapat ditunda di sepanjang dasar laut dengan mengguna dua bot berjentera.
2. Apa jua pukat atau beg yang diperbuat daripada apa-apa bahan, yang dipasangkan kepada rangka yang teguh, sama ada dengan atau tanpa kasut berbentuk papan peluncur, supaya dapat ditunda, ditarik, ditolak atau ditunjah di sepanjang dasar laut dengan mengguna bot berjentera.
3. Apa jua cara menangkap ikan yang mengguna kuasa elektrik, dijanakan dengan apa jua cara, untuk menarik, melengarkan atau membunuh ikan.
4. Apa jua pukat hanyut, pukat insang atau apa-apa pukat yang hampir [Mas. PU(A) 32/90] menyerupai apa-apa pukat hanyut atau pukat insang yang mempunyai saiz mata pukat yang melebihi 25.4 sentimeter (10 inci) yang beroperasi di mana-mana sahaja daripada permukaan air hingga ke dasar laut dengan cara berhanyut atau bersauh.

Diperbuat pada 10hb September 1980.

* Diterbitkan sebagai PU(A) 314/80.

¹ PU(A) 187/71.